

Saya Mungkin Terus Jadi Presiden MIC Selepas Penggal Tamat 2016, Kata Palanivel Bernama
1 Sept, 2013

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Datuk Seri G.Palanivel yang mengekalkan jawatan Presiden MIC tanpa bertanding hari ini berkata beliau mungkin terus memegang jawatan tertinggi parti itu malahan selepas penggalnya tamat pada 2016.

"Saya menerima sokongan besar pada pencalonan hari ini. Saya mendapat 617 pencalonan atau 96 peratus sokongan daripada pengerusi cawangan untuk jawatan ini. Ini satu petanda baik dan pemulaan baik buat diri saya.

"Lebih daripada 3,000 pengerusi cawangan mahu saya terus menjadi presiden. Saya akan buat keputusan pada 2016. Saya juga berasa mahu bersara tetapi pengerusi cawangan memaksa saya meneruskannya," katanya kepada pemberita selepas beliau diumumkan sebagai Presiden MIC ke-8 di ibu pejabat parti di sini Ahad.

Terdahulu, pengerusi jawatankuasa pemilihan presiden MIC Tan Sri K.Kumaran mengumumkan Palanivel memenangi jawatan presiden parti tanpa bertanding selepas mendapat 617 pencalonan, jauh lebih tinggi daripada 50 pencalonan diperlukan.

Bagaimanapun, Palanivel menegaskan beliau mahu menumpukan usaha memperkukuh status parti daripada segi kapasiti kewangan dan keanggotaan dalam tempoh tiga tahun akan datang. Mengulas lanjut, Palanivel, yang juga Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, menggariskan beberapa agenda untuk membawa parti ke tahap lebih tinggi daripada segi pembangunan sosial, ekonomi, pendidikan dan sukan.

"Saya akan minta Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan peruntukan khas dalam Belanjawan 2014, antara lain untuk kuil dan perniagaan bagi tujuan membantu golongan berpendapatan rendah yang merupakan 30 peratus dalam masyarakat India," katanya.

Dengan harapan untuk menarik lebih banyak belia, wanita dan badan bukan kerajaan menyertai parti, Palanivel berkata beliau akan membawa masuk antara 600 hingga 700 anggota.

Sementara itu, katanya MIC telah mengenal pasti sebidang tanah untuk membina ibu pejabat parti yang baharu setinggi 12 tingkat.

Kepada soalan sama ada beliau mempunyai barisan sendiri untuk jawatan lain peringkat pusat - timbalan presiden, tiga naib presiden dan 23 anggota jawatankuasa kerja pusat - pemilihan dijadual pada November, Palanivel berkata:

"Kita beri kebebasan untuk bertanding. Semua orang boleh bertanding. Tetapi, saya juga tahu bagaimana untuk membawa barisan saya. Ramai akan bertanding untuk jawatan naib presiden. Saya perlu berhati-hati," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=974236>

